



PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

TAKWIM PERSIDANGAN PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 28 Februari 2021 : Takwim Persidangan Parlimen yang tular pada ketika ini adalah takwim asal Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Rakyat sebelum pengisytiharan darurat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Berdasarkan Perenggan 14(2) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021, mana-mana Mesyuarat Parlimen yang telah dipanggil sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Ordinan ini tetapi belum diadakan adalah dibatalkan. Oleh yang demikian, takwim asal tersebut tidak lagi terpakai.

**Bahagian Komunikasi Korporat
Parlimen Malaysia**

Tarikh : 28 Februari 2021
Tel : 03 – 2603 6802
Emel : pro@parlimen.gov.my